

Headline	Kes wanita dijangkiti HIV meningkat 10 kali ganda		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 Jun 2012	Color	Full Color
Section	Letters	Circulation	192,982
Page No	22,23	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	265 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,937
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,811



## Kes wanita dijangkiti HIV meningkat 10 kali ganda

SAYA bimbang dengan penyakit HIV dihidapi wanita di negara ini. Apakah punca utama wanita menghidap HIV dan bagaimana dengan penyakit itu di Kelantan? Apakah suami turut bertanggungjawab jika isteri menghidap penyakit berkenaan.

SITI AMINAH WAN MOKHTAR,  
Kota Bharu.

**K**ES jangkitan HIV membabitkan wanita meningkat 10 kali ganda dalam tempoh satu dekad, iaitu lebih 9,000

orang dengan kebanyakan mereka mendapat virus itu menerusi hubungan heteroseksual dan suami.

Jumlah itu mewakili hampir 10 peratus daripada jumlah kumulatif HIV di negara ini. Ramai wanita, terutama suri rumah tidak mengetahui mereka dijangkiti HIV daripada suami masing-masing yang terbabit dadah atau hubungan seks tidak selamat.

Jadi, wanita harus membuat pemeriksaan di klinik kesihatan jika was-was dengan tingkah laku suami.

Kelantan pula berada dalam kedudukan tertinggi bagi



**KES jangkitan HIV membabitkan wanita meningkat 10 kali ganda dalam tempoh satu dekad, iaitu lebih 9,000 orang dengan kebanyakan mereka mendapat virus itu menerusi hubungan heteroseksual dan suami** **99**

penghidap HIV di negara ini kerana lokasinya bersempadan Sungai Golok dan Hatyai, di selatan Thailand.

Ada antara suami mengadakan hubungan seks dengan wanita di sana hingga membawa virus berkenaan kepada isteri masing-masing. Berdasarkan Laporan Kemajuan Negara, Kementerian Kesihatan, sehingga akhir 2011, Malaysia mempunyai 94,841 kes HIV, AIDS (17,686) dengan 14,986 kes kematian akibat penyakit berkenaan.

**DATUK DR RAJ KARIM,**  
*Presiden Majlis Aids Malaysia.*